

DATE	30/9 / 2012	SECTION	National
PAGE	3	COLUMN	Tempatan

## Laporan Musim Haji 1433H

### Tabung Haji utamakan kebajikan, perubahan jemaah

MAKKAH: Tabung Haji mengutamakan aspek kebajikan dan perubahan dalam menentukan para jemaah haji Malaysia dapat menjalankan ibadah dengan sempurna tanpa sebarang tekanan.

Justeru kesemua 11 hotel yang dijadikan maktab penginapan jemaah haji dilengkapi dengan pelbagai kemudahan di bawah satu bumbung termasuk restoran, kedai dobi, gerai jualan dan bilik istirehat.

Pengurus Maktab 88 yang beroperasi di pusat operasi Tabung Haji di hotel Janadariah di sini, Mohd Haikal Mohd Yusof berkata setiap maktab menempatkan antara 1,000 hingga 2,000 orang jemaah.

Beliau berkata Tabung Haji cuba mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh jemaah haji disamping berusaha untuk memudahkan urusan ibadah mereka di Tanah Suci.

"Kita sediakan dua perkhidmatan iaitu kebajikan dan perubahan. Kalau kebajikan, kita sediakan restoran yang mempunyai menu Malaysia dan ada hidangan teh tarik.

"Kita juga ada kemudahan telefon untuk para jemaah menghubungi keluarga mereka serta perkhidmatan kaunseling yang terdiri kaunselor wanita dan kaunselor lelaki," katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan Haji musim ini.

Mohd Haikal berkata setakat ini pihaknya belum lagi menerima sebarang rungutan daripada jemaah dan ini mungkin disebabkan jumlah mereka yang tiba di sini masih belum ramai.

Beliau mengakui cabaran logistik untuk menguruskan sesebuah maktab sangat tinggi kerana ia melibatkan kesesakan ribuan jemaah.

Keadaan yang sungguh mencabar ini ditambah pula dengan budaya kerja orang-orang Arab yang sangat berbeza dengan budaya kerja Malaysia, katanya.

"Kita ada masalah komunikasi, walaupun ada yang boleh bercakap bahasa Melayu tetapi ada yang tidak boleh langsung termasuk tidak boleh berbahasa Inggeris kecuali cakap Arab sahaja, jadi kita terpaksa gunakan jurubahasa untuk menjamin urusan logistik berjalan dengan lancar," katanya.—Bernama